

08 JUL 1996

MESIR MAHU ERATKAN KERJASAMA PENDIDIKAN DENGAN M'SIA

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Mesir berhasrat mempereratkan lagi kerjasama dengan Malaysia dalam bidang pendidikan, kata Menteri Pendidikan Mesir Prof Hussein Kamel Bahaa El-Din hari ini.

Menurut beliau kedua-dua negara boleh bertukar pengalaman dalam perkara-perkara seperti kurikulum, latihan untuk guru dan pelajar.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak akan dipelawa melawat Mesir untuk berbincang mengenai hasrat itu, katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam pertemuan itu Prof Hussein menyampaikan perutusan Presiden Hosni Mubarak kepada Dr Mahathir. Yang turut hadir ialah Duta Mesir ke Malaysia Mohamad Amin Gabr dan setiausaha bahagian perhubungan antarabangsa Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Talaat Husain.

Prof Hussein berada di sini sejak Sabtu lepas untuk menghadiri Kongres Pediatrik Tropika Antarabangsa keempat yang bermula hari ini. Beliau adalah juga Presiden Persatuan Pediatrik Tropika Antarabangsa.

Kongres itu dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pagi tadi. -- BERNAMA

AFY WAT MAI